

Aktiviti lasak promosi keindahan Sungai Lembing

KUALA LUMPUR 9 Julai - Penganjuran aktiviti lasak 'King of Sungai Lembing' oleh Team Pacat pada 9 Ogos ini merupakan antara inisiatif kelab tersebut dalam mempromosikan keindahan Sungai Lembing, Pahang.

Penganjurnya, Arman Arshad berkata, acara marathon merentas desa itu terbahagi kepada tiga kategori jarak berdasarkan tahap kecergasan peserta yang datang dari pelbagai lapisan masyarakat.

"Kita akan berlari dalam suasana denai di kawasan bersejarah iaitu Sungai Lembing yang pernah digelar 'El Dorado Sebelah Timur'.

"Terdapat enam kategori peserta pada marathon ini iaitu Veteran Lelaki, Veteran Wanita, Terbuka Lelaki, Terbuka Wanita, Junior Lelaki dan Junior Wanita.

"Peserta akan melalui laluan sepanjang 50 kilometer (km), 21 km dan 10km," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Dalam pada itu, Arman berkata, lebih 600 peserta yang juga terdiri daripada peserta luar negara termasuk



ARMAN ARSHAD

uk Amerika Syarikat dan Jepun telah mendaftarkan diri untuk acara berkenaan.

Katanya, acara tersebut juga mendapat kerjasama dengan Majlisi Perbandaran Kuantan, Kelab Mahasiswa Paya Besar, Komiti Sukan dan Rekreasi Paya Besar serta Tourism Pahang.

"Sebarang maklumat lanjut boleh didapati pada laman Facebook di www.facebook.com/kingofsglembing atau kosl.teampacat.com," katanya.